

16 JAN 2003

Mahathir-sayang

SAYANGILAH MALAYSIA DAN UTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

JELI, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu sentiasa menyayangi Malaysia serta meletakkan kepentingan negara melebihi segala-galanya.

Perdana Menteri berkata negara ini telah banyak menabur jasa dengan memberi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup kepada berjuta-juta rakyatnya yang berbilang kaum.

"Sayangilah negara Malaysia,. negara di mana kita lahir, membesar dan kita akan kembali ke Rahmahtullah," katanya ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Ayer Lanas di sini hari ini, sebagai sebahagian acara lawatan kerja dua harinya ke Kelantan berakhir hari ini.

Dr Mahathir berkata bagi mengekalkan segala yang sedang dinikmati di dalam negara, rakyat harus bersyukur dan memastikan kerajaan akan datang mampu memerintah secara bijak dan cekap membuat keputusan.

Beliau berkata berbekalkan kepada semangat itulah pemimpin Barisan Nasional sanggup berkhidmat semata-mata bagi kepentingan rakyat.

Katanya bertentangan dengan tohmahan pembangkang, kerajaan BN sebenarnya bukan sahaja berkhidmat memastikan rakyat mendapat kebahagiaan dunia sahaja tetapi juga di akhirat.

Dr Mahathir meminta rakyat untuk terus mendukung kepimpinan BN dan Umno walaupun selepas beliau berundur daripada jawatan tertinggi kerajaan tahun ini.

"Saya harap bila saya berhenti, sokongan terus diberikan kepada pengganti saya iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan juga kepada pengganti Datuk Seri Abdullah.

"Kita akan pastikan pertukaran kepimpinan berjalan licin manakala kerajaannya stabil," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN tidak tamakkan kuasa.

"Kita tahu bila kita patut undur. Bila umur sudah 77 tahun, undurlah, buat apa lagi.

"Yang lain pun kalau belum berumur 77 tahun, undurlah, dan beri peluang kepada yang lain untuk berkhidmat...Tak apalah kita tak menjadi Yang Berhormat, apalah sangat gelaran YB, Yang Berbahagia pun O.K. juga," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat bertanggungjawab untuk memilih kerajaan yang cekap dan tidak terperdaya dengan fitnah pihak tertentu atau membuat keputusan semata-mata kerana marah hingga merugikan masa depan negara.

"Kita nak supaya kita bijak-bijaklah pilih kerajaan, jangan ikut nafsu, kita pilih kerajaan untuk kebaikan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN telah membuktikan kemampuan seperti memberi bantuan kepada banyak rakyat miskin.

"Yang terlalu miskin hingga tak dapat hantar anak ke sekolah, kita sanggup beri bantuan sebanyak RM120 setahun. Jumlah ini tak banyak tetapi kalau dikira bilangan yang memerlukan bantuan ini, peruntukannya juga meningkat kepada berjuta ringgit," katanya.

Dr Mahathir berkata kecekapan kerajaan mentadbir negara membolehkan pungutan cukai pendapatan dibuat hanya daripada golongan yang berpendapatan besar.

Katanya daripada 24 juta orang di Malaysia, hanya sejuta yang dikenakan cukai pendapatan.

"Itu adalah cara kita tak nak bebankan orang yang miskin atau

berpendapatan sederhana. Kita kutip cukai dari orang yang kaya untuk diagihkan kepada yang miskin supaya dengan cara itu, yang miskin dapat sedikit sebanyak merasai nikmat daripada kekayaan negara," katanya.

Perdana Menteri juga tidak mahu rakyat beranggapan bahawa asalkan ada kerajaan, negara akan dapat dibangunkan kerana terdapat negara mempunyai kerajaan tetapi gagal dimajukan.

"Saya minta maaf kalau saya beri contoh yang mungkin tidak menyenangkan hati orang Kelantan, awal-awal lagi saya minta maaf. Kita dapati ramai orang Kelantan juga terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur, Singapura untuk dapatkan peluang kerja dan berniaga.

"Mereka berhijrah kerana keadaan di Kelantan tidak mengizinkan mereka menambah atau mencari nafkah di negeri ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata keadaan itu disebabkan kerajaan Kelantan pimpinan Pas tidak mampu mentadbir negeri itu dengan baik dan gagal mewujudkan peluang pekerjaan hingga ramai rakyatnya terpaksa berhijrah keluar.

"Rakyat Kelantan ini sememangnya cekap, rajin, pintar, boleh berniaga tetapi kalau negeri tidak ditadbir dengan baik, orang yang cekap dan pintar ini terpaksa pergi ke tempat lain," katanya.

--BERNAMA

TM RAR MAI